



KERAJAAN MALAYSIA

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 8
(Disemak 2025)

SEPTEMBER 2025

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PPK 8

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 8

Penyata Akaun Memorandum

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya.

Tel: 03-88821000

Emel: uppp_pppa@anm.gov.my
Laman web: www.anm.gov.my

KANDUNGAN

<u>Isi Kandungan</u>	<u>Perenggan</u>
PENGENALAN	1
TUJUAN	2
SKOP	3
LATAR BELAKANG	4
DEFINISI PENYATA AKAUN MEMORANDUM	5
KLASIFIKASI AKAUN MEMORANDUM	6
DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN	7
PEMBENTANGAN DALAM PENYATA KEWANGAN	8
TARIKH KUAT KUASA	9

1. PENGENALAN

PPK 8 (Disemak 2025) Penyata Akaun Memorandum menggantikan PPK 8 (2012) selaras dengan PPK 2 (Disemak 2025) Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan.

2. TUJUAN

Piawaian ini bertujuan untuk menetapkan format pembentangan Penyata Akaun Memorandum mengikut kehendak Seksyen 16(1)(e) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

3. SKOP

Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi klasifikasi, perakaunan dan pembentangan Penyata Akaun Memorandum sebagai sebahagian daripada penyata kewangan kerajaan yang disediakan berasaskan perakaunan asas tunai ubah suai.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Piawaian Penyata Akaun Memorandum adalah satu garis panduan bagi menyeragamkan amalan perakaunan yang merangkumi definisi, klasifikasi, dasar dan kaedah perakaunan serta pembentangan dalam penyata kewangan kerajaan berasaskan:

4.1.1 Perlembagaan Persekutuan

4.1.2 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

4.1.3 Akta berkaitan akaun memorandum berkenaan

4.1.4 Aturan dan peraturan yang berkuat kuasa

4.1.5 Arahan Perbendaharaan

4.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah dirujuk kepada peruntukan undang-undang negeri yang berkaitan, tertakluk kepada kesesuaian dan bidang kuasa masing-masing, sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, melainkan dinyatakan sebaliknya.

5. DEFINISI PENYATA AKAUN MEMORANDUM

5.1 Definisi

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset kewangan dan liabiliti kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan.

6. KLASIFIKASI PENYATA AKAUN MEMORANDUM

6.1 Memorandum Aset

Memorandum Aset terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan yang merupakan sebahagian daripada aset kewangan kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan. Akaun Belum Terima terdiri daripada:

- (a) Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut
- (b) Pelbagai Akaun Belum Terima

6.1.1 Akaun Belum Terima

- (a) Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

Pinjaman dan Pendahuluan boleh dituntut merupakan baki pinjaman dan pendahuluan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri kepada pihak berkenaan seperti berikut:

- i. Kerajaan Negeri
- ii. Syarikat
- iii. Pihak Berkuasa Tempatan
- iv. Badan Berkanun
- v. Koperasi
- vi. Perseorangan dan
- vii. Pelbagai

- (b) Pelbagai Akaun Belum Terima

Pelbagai Akaun Belum Terima merujuk kepada amaun yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan tetapi masih belum diterima, yang timbul daripada peristiwa lampau.

6.1.2 Pelaburan

Pelaburan merupakan pegangan kerajaan dalam bentuk ekuiti dalam badan berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, saham dalam syarikat berkaitan kerajaan, agensi antarabangsa dan syarikat-syarikat lain.

6.2 Memorandum Liabiliti

Memorandum liabiliti terdiri daripada Hutang Persekutuan atau Hutang Negeri, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti yang merupakan sebahagian daripada liabiliti kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan. Kategori pelaporan liabiliti ini tertakluk kepada kesesuaian di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

6.2.1 Hutang Persekutuan atau Hutang Negeri

Hutang Persekutuan atau Hutang Negeri merupakan baki hutang pinjaman dalam negeri, pinjaman luar negeri dan bantuan luar negeri.

6.2.2 Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta merupakan obligasi bayaran balik Kerajaan Persekutuan kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman bagi pendanaan projek awam.

6.2.3 Komitmen Kewangan

(a) Komitmen Jaminan

Komitmen Jaminan merupakan obligasi jaminan Kerajaan Persekutuan kepada institusi kewangan bagi pinjaman entiti tertentu, termasuk pinjaman dalam negeri dan luar negeri.

(b) Komitmen Pajakan Kewangan

Komitmen Pajakan Kewangan merupakan obligasi yang timbul daripada pajakan aset yang dikendalikan di peringkat kementerian atau jabatan termasuk pajakan kewangan badan berkanun yang dibiayai oleh kerajaan.

(c) Komitmen Bayaran Balik Cukai

Komitmen Bayaran Balik Cukai merupakan obligasi bayaran balik kepada pembayar cukai.

(d) **Komitmen Pampasan**

Komitmen Pampasan merupakan obligasi pampasan seperti pampasan konsesi lebuhraya, penamatan perjanjian sewaan jangka panjang atau penamatan kontrak yang telah dimeterai oleh Kerajaan.

Komponen liabiliti Kerajaan Negeri boleh disesuaikan mengikut keperluan, struktur dan bidang kuasa negeri masing-masing.

6.2.4 **Pelbagai Liabiliti**

(a) **Nota Kena Bayar**

Nota Kena Bayar merupakan amaun yang akan dibayar pada suatu masa akan datang mengikut jadual atau berdasarkan permintaan pertubuhan atau institusi yang mana Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri menjadi ahli pertubuhan atau institusi berkenaan.

(b) **Sekuriti Tak Dituntut**

Sekuriti Tak Dituntut ialah saham yang diserahkan kepada Akauntan Negara di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Pemegang Amanah 1949 dan Akta Syarikat Amanah 1949. Saham tersebut dipegang oleh kerajaan sehingga dituntut oleh pemilik yang sah atau dilupus kerajaan.

(c) **Akaun Depositori Pusat**

Akaun Depositori Pusat ialah amaun sekuriti yang telah dipindahkan kepada Akaun Depositori Pusat - Menteri Kewangan mengikut kehendak Seksyen 14, 29 dan 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori) (Pindaan No.2) 1998. Saham tersebut dipegang oleh kerajaan sehingga dituntut oleh pemilik yang sah dengan cara dijual atau dilupus.

6.3 **Pengecualian**

Aset kewangan dan liabiliti yang tidak dilaporkan di perenggan 6.1 dan 6.2 di atas hendaklah dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum jika relevan.

7. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN

7.1 Perakaunan Akaun Memorandum

7.1.1 Aset Kewangan

Akaun Belum Terima dan Pelaburan merupakan aset kewangan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan dalam Penyata Akaun Memorandum.

7.1.2 Liabiliti

Baki Hutang Persekutuan atau Hutang Negeri, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti tidak dilaporkan sebagai liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan dalam Penyata Akaun Memorandum. Kategori pelaporan liabiliti ini tertakluk kepada kesesuaian di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

8. PEMBENTANGAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Pembentangan penyata kewangan tahunan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2025) Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan.

8.1 Angka Perbandingan

Amaun tahun sebelumnya hendaklah dinyatakan sebagai angka perbandingan.

9. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula pada tahun kewangan 2025.